

Headline **Juhan nadi sukarelawan**  
 Date **20 Sep 2009**  
 MediaTitle **Metro Ahad**  
 Section **Supplement**  
 Journalist **SHAMRAN SARAHAN**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **314,321 / 1,964,000**

Language **Malay**  
 Page No **C6**  
 Article Size **485 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **10,428**  
 PRValue **31,284**



# Juhan nadi sukarelawan

>>Oleh **SHAMRAN SARAHAN**  
 sarass@metro.com.my

**S**ATU suara, satu komuniti dan satu persatuan. Slogan yang dilancarkan Rakan Muda (RM) itu menjadi prinsip Juhan Faiz Fauzi, 24, yang aktif dalam aktiviti sukarelawan sejak berusia 10 tahun.

Bagi anak muda kelahiran Kelantan ini, jika ingin menjadi sukarelawan, bukan saja keikhlasan harus diterapkan pada diri, malah semangat kekitaan yang tinggi dalam diri juga sangat penting.

Tidak hairan dengan pendiriannya itu, Juhan terpilih menjadi nadi utama untuk menggerakkan program Skuad Sukarelawan Rakan

Muda Unicef (Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) atau SSRM-Unicef, baru-baru ini.

Juhan berkata, tugas dan tanggungjawab sebagai sukarelawan memberi cabaran buat dirinya, terutama apabila menyaksikan kekurangan serta kesusahan orang lain.

Katanya, dalam SSRM-Unicef dia dan rakan terbabit dalam aktiviti kemanusiaan bagi membantu golongan kurang bernasib baik dan pembawa penyakit sindrom kurang daya tahan (HIV) dan Aids.

"Banyak pengalaman berharga saya pelajari daripada program itu, terutama jika berkaitan perasaan seorang pembawa virus HIV dan pesakit Aids.

"Mereka sensitif dan mudah tersentuh. Itu menjadi masalah kami untuk mendekati mereka. Ia memang tugas yang mencabar, namun itulah nikmat melakukan kerja sukarelawan," katanya.

Mengenai SSRM-Unicef, Juhan berkata, ia program anjuran bersama RM, Unicef dan Majlis Aids Malaysia (MAM).

Program yang kini memasuki siri kedua itu bertujuan untuk membantu pembawa HIV dan Aids yang diabaikan serta tersisih daripada keluarga dan masyarakat.

Kira-kira 50 sukarelawan daripada RM terbabit dalam program berkenaan selain 20 sukarelawan luar.

Juhan berkata, dia mema-

sang cita-cita tinggi untuk mengharumkan nama RM melalui aktiviti berkaitan sukarelawan seperti SSRM-Unicef.

"Bagi saya RM adalah nama yang gah dan memainkan peranan penting membentuk remaja berkredibiliti dan berwawasan.

"Ini sebenarnya platform terbaik untuk saya bersama rakan mengangakat RM dalam aktiviti sukarelawan sebagaimana hebatnya pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Yayasan Salam dan Persatuan Bantuan Sukarela Malaysia (Mercy)," katanya.



**FOTO | Mustaffa Kama**

**>>Profil**

**NAMA:** Juhan Faiz Fauzi  
**UMUR:** 24 tahun  
**ASAL:** Kota Bharu, Kelantan  
**ADIK BERADIK:** Keempat daripada lima beradik  
**PENDIDIKAN:** Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, Universiti Malaysia Perlis  
**PEKERJAAN:** Pengurus syarikat  
**PENGALAMAN:** Menyertai Skuad Sukarelawan Rakan Muda Unicef (Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), Program Pertukaran Remaja Asian di China, Rakan Muda Wawasan Desa dan Program Rakan Larian Kemanusiaan Palestin



**MEANRIK...**sukarelawan bersama peserta dalam aktiviti Rakan Muda.



**PRIBATIN...**gambar kenangan Juhan (duduk) bersama rakan sukarelawan dalam program Rakan Muda.